

Tindakan tak popular kurangkan kemalangan

UM 1 MAY 1990
Oleh
Hassan Mohd. Noor

KUALA LUMPUR 30 April — Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya sedang mengkaji untuk mengadakan langkah - langkah ketat seperti menarik balik lesen dan mengenakan hukuman lebih berat terhadap pemandu kenderaan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2000.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun matlamat 30 peratus tidak besar tetapi perangkaan itu adalah realistik kerana kadar kemalangan amat sukar untuk dikurangkan dan bagi tujuan tersebut sebanyak \$20 juta akan dibelanjakan melalui beberapa kementerian setiap tahun.

Beliau yang juga pengerusi jawatankuasa tersebut memberitahu, kerajaan akan turut melancarkan kempen besar - besaran bertujuan mendidik orang ramai tentang keselamatan jalan raya serta menambah kakitangan yang diperlukan oleh pihak polis, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Perusahaan Awam.

Serentak dengan itu Perdana Menteri berharap rakyat keseluruhannya bekerjasama dengan kerajaan dan menyambut baik langkah kerajaan itu walaupun tindakan - tindakan itu mungkin menjadi bebanan atau menyulitkan mereka.

Beliau juga mengakui tindakan - tindakan itu mungkin tidak popular malahan kurang disenangi oleh pihak-pihak tertentu yang akan mempolitikkan tindakan tersebut sehingga mereka mempengaruhi rakyat membuat bantahan.

"Saya harap tindakan kerajaan ini mendapat sambutan baik rakyat keseluruhannya walaupun ia mungkin membebankan mereka. Matlamat kita adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan sebanyak 30 peratus dari yang berlaku sekarang," katanya.

Tahun lalu sebanyak 75,626 kemalangan jalan raya berlaku di negara ini menyebabkan 3,090 orang terkorban.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa itu di sini, Perdana Menteri berkata, kadar kemalangan di negara ini adalah buruk jika dibandingkan dengan negara-negara yang tahap pembangunannya hampir sama dengan negara ini.

Jawatankuasa itu ditubuhkan 4 April lalu dan dianggotai oleh menteri-menteri dari beberapa kementerian berkenaan.

Hadir sama dalam mesyuarat lebih dua jam itu ialah Menteri Penerangan Dato' Mohamed Rahmat, Menteri Pengangkutan Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Awam Dato' Napsiah Omar dan Ketua Cawangan Trafik Persekutuan Penolong Pesuruhjaya Haji Kamaruddin Hamzah.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat harus membuat pilihan sama ada ingin melihat lebih ramai mati dalam kemalangan jalan raya atau mengelakkan dari sebarang pengorbanan akibat tindakan kerajaan itu yang akhirnya menyebabkan diri sendiri terlibat dalam kemalangan sehingga mengorbankan nyawa mereka.

"Sudah tentu langkah - langkah kerajaan ini sedikit sebanyak menjadi beban kepada rakyat dan orang ramai perlu berkorban. Kalau kita tidak sanggup berkorban, kita tidak mungkin berjaya dalam usaha mengurangkan kemalangan," katanya.

Perdana Menteri juga memberitahu kebanyakan kemalangan melibatkan kenderaan awam seperti bas, teksi dan lori dan ia berpunca dari sikap pemandu yang tidak menghiraukan etika jalan raya.

TINDAKAN TAK POPULAR

Beliau berkata, terdapat 4.5 juta kenderaan di negara ini di mana 62 peratus adalah motosikal, 31 peratus kereta, 6 peratus lori, 0.48 peratus bas dan 0.50 peratus teksi.

Walaupun jumlah motosikal lebih banyak dan kebanyakan kemalangan menyebabkan kematian tetapi kadar kemalangan melibatkan motosikal tidak banyak berbanding kenderaan lain seperti bas, teksi dan lori.

Katanya, dari keseluruhan kemalangan, 3 peratus melibatkan teksi, 4 peratus bas dan 12 peratus bagi lori dan van.

Berbanding dengan kadar kemalangan bagi kenderaan - kenderaan tertentu, 32 peratus dari jumlah teksi dan 23.75 peratus bas terlibat dalam kemalangan.

Mengenai hukuman yang ada sekarang, Perdana Menteri berkata, hukuman itu amat rendah atau ringan dan masalah besar sekarang ialah terdapat 88,000 kes kemalangan jalan raya belum dibicarakan yang seolah-olah menunjukkan undang - undang itu tidak berat.

Malahan apabila hukuman dijatuhkan oleh mahkamah, denda yang dikenakan ke atas kemalangan melibatkan kematian hanya \$1,000 sahaja dan kadang-kadang kos yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk membawa kes ke mahkamah lebih tinggi dari denda itu.

Oleh itu Perdana Menteri menegaskan, langkah - langkah yang akan diambil bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya akan meliputi soal menambah kemudahan di jalan - jalan raya serta memperketatkan undang - undang yang sedia ada.

Langkah - langkah tersebut ialah:

- Membuat kajian untuk mengadakan kompaun mandatori bagi menggalakkan orang ramai membayar daripada membawa kes-kes berkenaan ke mahkamah yang akan mengambil masa dan melibatkan perbelanjaan. Kes yang dibicara di mahkamah dikenakan denda lebih berat dari bayaran kompaun.

- Menentukan sama ada pemandu yang memberi alamat salah ketika disaman akan dikira sebagai satu kesalahan.

- Menambah papan - papan tanda dan amaran had laju di kawasan - kawasan tertentu serta di atas jalan raya bagi mengingatkan pemandu - pemandu mengenai had laju dan bahaya di jalan raya.

- Mengadakan seberapa banyak kamera dan peronda lebuhraya bagi mengesan mereka yang memandu dengan bahaya.

- Membina pembahagi jalan di jalan - jalan raya berliku dan membesarkan jalan-jalan berkenaan.

- Melaksanakan semula sistem alat amaran had laju kenderaan berat seperti yang dilaksanakan tidak lama dahulu dengan menentukan alat tersebut tidak boleh diusik atau disalahgunakan bagi tujuan menipu had laju sebenar.

- Menghapuskan duti import bagi alat-alat merekod perjalanan atau 'tachometer' supaya para pemilik kenderaan berat dapat memasang alat-alat berkenaan dan membuat penilaian sendiri terhadap para pemandu mereka. Alat ini sama seperti kotak hitam yang digunakan di dalam kapal terbang.

- Membina jambatan - jambatan bagi menimbang berat muatan lori di kawasa tertentu bagi memastikan kenderaan itu tidak membawa muatan lebih. Lori yang melanggar peraturan ini tidak dibenarkan menggunakan jalan raya serta dikenakan denda.

- Kerajaan juga akan mengkaji kadar bayaran tol di negara - negara lain bagi menentukan kadar lebih sesuai supaya pendapatan dari tol itu dapat digunakan untuk menggalakkan pembinaan jalan raya - jalan raya yang lebih baik di negara ini.

- Mengkaji semula lesen-lesen kenderaan yang dikeluarkan sama ada pemiliknya menyalahgunakan lesen itu dengan memajak kepada orang lain sedangkan lesen itu dikeluarkan untuk individu itu sendiri.

Menjawab pertanyaan pemberita mengenai masalah rasuah yang mungkin berlaku di kalangan pegawai tertentu, Perdana Menteri berkata, setiap rakyat perlu bertanggungjawab mengelakkan kejadian seperti itu dengan melaporkan kepada kerajaan.

"Kalau nak bayar kompaun, bayarlah janaan menggunakan sozokan," katanya.